



Headline: Dua lagi diperdaya Macau Scam, lebih RM50,000 lesap
Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 4 October 2020

Section: Dalam Negeri
Page: 37

Dua lagi diperdaya Macau Scam, lebih RM50,000 lesap

KEPALA BATAS: Walaupun kes ditipu oleh sindiket Macau Scam sering dilaporkan dan disiarkan dalam akhbar, masih ada segenap anggota masyarakat yang menjadi mangsa membabitkan kerugian ribuan ringgit.

Semalam, seorang pembantu jualan berusia 27 tahun dan seorang pesara kerajaan berusia 70-an menjadi mangsa terbaru dalam dua kejadian bersinergi di sini.

Dalam kejadian pertama, pembantu jualan itu kerugian RM6,960 manakala pesara kerajaan itu pula kehilangan RM49,490 wang simpanannya selepas dipercayai terpedaya dengan sindiket tersebut.

Pembantu jualan itu pada mulanya menerima panggilan kononnya daripada pihak Pos Laju yang mendakwa terdapat bungkusan atas namanya yang berisi kad pengenalan dan pelbagai kad bank yang dikatakan ada kaitan dengan jenayah.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, panggilan mangsa kemudian dia disambungkan kepada seorang yang mendakwa anggota polis di Johor bernama Koperal Nizam.

Katanya, suspek memaklumkan mangsa terlibat dalam kes jenayah iaitu pengubahan wang haram dan memintanya mendahului semua maklumat perbankan.



“

Suspek memaklumkan mangsa terlibat dalam kes jenayah iaitu pengubahan wang haram.”

NOORZAINY MOHD. NOOR

“Koperal Nizam memaklumkan mangsa terlibat dalam pengubahan wang haram dan meminta semua maklumat perbankan atau berhadapan tindakan ditangkap.

“Mangsa yang takut kemudiannya telah memberi maklumat perbankan dalam taliannya serta dua nombor TAC yang diantar ke telefon bimbit mangsa,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Noorzainy berkata, pesara kerajaan itu menerima panggilan daripada seorang lelaki yang mendakwa dari Pejabat Pos Seremban berhubung bungkusan yang mempunyai lapan keping kad kredit atas nama mangsa.

“Panggilan mangsa kemudiannya disambungkan kepada seorang polis berpangkat ‘sarjan’ di Ibu pejabat Polis Seremban dan dimaklumkan mangsa

terlibat dengan kes pengubahan wang haram dan dadah.

“Sarjan tersebut memberitahu mangsa bahawa dia adalah suspek kes tersebut serta memintanya memberi kerjasama.

“Terkejut dan terlalu takut, mangsa tanpa berfikir panjang terus mengikut arahan sarjan berkenaan dengan memindahkan wang melalui mesin ATM ke akaun bank diberikan melalui lima transaksi,” jelasnya.

Noorzainy berkata, kes itu disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksian kerana menipu.

Beliau menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada dan tidak mudah terpedaya dengan muslihat serta tipu helah sindiket dan yang paling penting, jangan dedahkan maklumat peribadi dan perbankan kepada sesiapa termasuk polis.